

1103/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2015  
2 ½ jam



## MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2015

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**MODUL 2**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas modul ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan daripada guru yang bertugas.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas modul ini mengandungi **10 halaman bercetak**.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan pokok dalam kehidupan manusia dan langkah-langkah menggalakkan masyarakat menanam pokok. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

"Wah, seronoknya balik kampung! Udara di sini nyaman. Walaupun tiada penyaman udara di dalam rumah, tapi kita masih rasa selesa". Itulah ungkapan yang dituturkan oleh seorang cucu kepada datuknya ketika pulang ke kampung untuk berhari raya. Mungkin hal ini bukan sahaja dirasai oleh cucu itu, tetapi turut dirasai oleh orang lain yang tinggal di bandar. Hakikatnya, cuaca di bandar lebih panas berbanding di kampung. Sebab itulah permintaan terhadap penyaman udara semakin meningkat pada setiap tahun. Pada waktu dahulu, mungkin sebuah rumah memerlukan seunit penyaman udara. Namun begitu, pada waktu ini, setiap bilik memerlukan penyaman udara. Di kampung, penyaman udara tidak perlu dibeli, apatah lagi ditukar selang beberapa tahun akibat rosak. Penyaman udara di kampung juga tidak menggunakan tenaga elektrik yang pastinya meningkatkan jumlah penggunaan tenaga elektrik. Uniknya, penyaman udara ini terletak di luar rumah dan bilangannya bukan satu, tetapi banyak, iaitu di sekeliling rumah. Penyaman udara yang dimaksudkan ini ialah pokok yang menjadi teduhan bagi sesbuah rumah.

Kini, penyaman udara semula jadi ini semakin sukar didapati terutamanya di kawasan bandar. Biasanya, apabila suatu kawasan dibangunkan bagi membina bangunan, sama ada rumah, kedai atau pejabat, kawasan itu dbersihkan daripada sebarang unsur yang dapat mengganggu kelancaran projek itu. Antara *unsur yang menjadi penghalang* termasuklah pokok. Hakikatnya, pokok memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Menerusnya, bekalan oksigen yang menjadi nadi kehidupan manusia diperoleh. Bukan itu sahaja, pokok juga boleh menjadi penebat haba yang menghalang haba daripada masuk ke dalam rumah. Fungsi pokok tidak terhenti di situ sahaja kerana pokok turut melindungi manusia daripada terik cahaya matahari, malah angin daripada pergerakan daun pokok membantu menyegarkan badan.

Wujudnya pokok juga untuk membantu menghalang hakisan tanah kerana tujuan air hujan ke tanah dapat diredukan dan sekali gus membolehkan akar pokok memegang tanah serta menyerap nutrien berbahaya. Pokok juga penting kerana dapat menyerap dan mengurangkan kadar kelajuan air hujan. Selain itu, menerusi Dasar Landskap Negara yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai taman terindah, usaha menanam pokok landskap giat dilakukan. Usaha ini bukan sahaja boleh mencantikkan pemandangan dengan pokok yang teratur, tetapi dapat membantu mengembalikan fungsi

**SULIT**

kebergantungan manusia terhadap penyamanan udara moden. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menghijaukan bumi ini dengan pokok-pokok bagi meningkatkan kualiti kehidupan.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Penyamanan Udara Semula Jadi" oleh Mohd Syukri Anwar, Dewan Kosmik, Oktober 2014)

- (ii) Setiap pagi Daniel lewender pergi ke sekolah bersama-sama dengan mamaknya.

### **Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

#### **Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *unsur yang menjadi penghalang*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah permintaan terhadap penyamanan udara semakin meningkat setiap tahun? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan yang akan berlaku jika jumlah pokok semakin berkurangan di bumi ini?

Berikan tiga kesan. [4 markah]

[jawapan 3]

[jawapan 4]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Ayah yakin samudera tetap akan terus bergelora meskipun dadanya sakit. Dia tetap menyumbangkan baktinya walaupun ayah tidak lagi menemaninya. Cuma ayah harap, engkaulah penerus dan pewaris untuk menjaga samudera itu, Mir. Jangan biarkan dadanya sakit, biarkan ia terus berbakti, selama-lamanya."

Mir mengangguk dan menyunggingkan senyuman.

"Amirah"

Mir memandang ke sisi. Hakimah dengan wajah cerah, tiba-tiba sahaja terpamer di muka pintu. Ada kebahagiaan terpancar pada mata bening itu.

"Kau bercakap dengan siapa, Mir"

"Aku bercakap dengan ombak, dengan samudera. Ayah menyuruhku menjaganya. Jangan sampai dikhianati. Biarkan pantai dengan bangunan mewah, asal jangan menyakiti samuderaku, biarkan ia bergelombang dan bergelora. Jangan mengkhianati dan mengotorinya."

Dipetik daripada cerpen 'Biarkan Samudera'

oleh Raihanah Salleh

dalam antologi *Harga Remaja*

Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah pendapat ayah tentang samudera sebagaimana terdapat dalam petikan? [2 markah]
- (ii) Seandainya Mir ialah anda, apakah yang perlu anda lakukan apabila mendengar pesanan ayah tentang pembangunan di kawasan pantai? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai yang terdapat dalam cerpen ini. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mendengar percakapan itu Tuan Puteri Dayang Seri Jawa tidak tersabar lagi lalu menyampuk, "Wahai tuan-tuan sekalian, adakah patut orang yang serupa ini berhutang rial kepada patik? Sebenarnya dagang yang hina inilah yang telah menjadi tawanannya. Dia seorang pahlawan yang handal."

"Kalau begitu," kata Awang Sulung pula, "memanglah benar kata adinda itu, kerana kakanda telah menewaskan Tuan Puteri Dayang Nuramah yang hendak merampas kakanda daripada tangan adinda dan sekarang hutang pun sudah berbayar, piutang pun sudah diterima, maka *memohonlah kakanda kembali ke Bandar Mengkalih.*"

Oleh sebab terlalu hampa mendengarkan titah Awang Sulung itu, Tuan Puteri Dayang Seri Jawa hendak terjun ke laut, tetapi segera dihalang oleh hulubalang yang ada di situ lalu dibawanya masuk ke magun. Di situ Tuan Puteri Dayang Seri Jawa telah tidak sedarkan diri.

"Ampun Tuanku, janganlah Tuanku sakat lagi puteri itu, kalau berlaku sesuatu hal kita juga yang susah," sembah hulubalang itu.

Dipetik daripada 'Pelayaran yang Penuh Peristiwa'  
dalam antologi *Harga Remaja*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *memohonlah kakanda kembali* dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah tindakan hulubalang apabila melihat perbuatan Tuan Puteri? [3 markah]
- (iii) Perbuatan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa yang mahu terjun ke laut adalah tidak wajar.  
Berikan alasan anda. [3 markah]

**Soalan 2 (d) – Gurindam**

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Gurindam Tonggak Dua Belas**

Hendak pandai menghargai masa,  
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,  
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,  
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,  
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,  
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,  
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,  
*Baik buruk jadikan sempadan.*

Menjadi kewajipan menjalan tugas,  
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,  
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,  
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,  
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,  
Kembangkan bakat semoga aktif.

**Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki)Penyelenggaran**

antologi *Dirgahayu Bahasaku*

Dewan Bahasa dan Pustaka

SULIT

- (i) Berikan maksud *baik buruk jadikan sempadan dalam gurindam di atas?* [2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah bakat kreatif seseorang perlu dikembangkan?

Kemukakan dua sebab. [3 markah]

- (iii) Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas.

[4 markah]

yang telah menjadi tewasnya. Dia seorang pahlawan yang handal.”

dubut (i)

“Koleg begitu,” kata Anding sehing pulat. “memanglah berjaya dia diinde itu. tetapi, kau pergi kau turuwaskan Tuan Puteri Dayang Nuraman yang tiendal memangnya. Kolegku daripada tangan Edinda dia sekarang bukong pun sudah berbayar, piutang pun sudah dileset. maka ia turun dan kembali ke Bandar Mengkalih.”

dubutbuntem (vi)

Oleh sebab terlalu hampa mendengarkan titah Ayahnya, Soeprati. Tuan Puteri Dayang Seri Jawa hendak turun ke leui, tetapi segera berhalang oleh infideling yang ada di sini. Maka dibawanya masuk ke makam Tuan Puteri Dayang. Soeprati pun berterima kasih dan terdakar di diri.

“Tuan Puteri Dayang, Tuan Puteri Dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang.”

Dia terdiam. “Pada akhirnya, Tuan Puteri Dayang, Tuan Puteri Dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang.”

“Tuan Puteri Dayang, Tuan Puteri Dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang.”

“Tuan Puteri Dayang, Tuan Puteri Dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang.”

“Tuan Puteri Dayang, Tuan Puteri Dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang.”

“Tuan Puteri Dayang, Tuan Puteri Dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang.”

“Tuan Puteri Dayang, Tuan Puteri Dayang. Besarlah hati kita juga yang susah-susahnya mencari makam tuan puteri dayang.”

[6 markah]

SULIT

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Berbahasa**

[Rasm S]

Baca gurindem di bawah dengan teliti. Jawab soalan yang berikut dengan lengkap dan betul. Pada bagian yang tidak diperlukan, tulis ‘tidak’.

**Jawab semua soalan**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) duduk
- (ii) duduk-duduk
- (iii) terduduk
- (iv) menduduki
- (v) penduduk
- (vi) kedudukan

[6 markah]

- (b) Pisahkan ayat-ayat di bawah ini kepada enam ayat tunggal dengan mengekalkan maksud dan struktur asalnya.

Dua orang nelayan terpaksa berpaut pada tong minyak apabila bot mereka karam dipukul ombak besar ketika menangkap ikan di perairan Pulau Beras Basah, Langkawi, Kedah. Setelah hampir sembilan jam terapung-apung di tengah laut, akhirnya mereka diselamatkan oleh sebuah kapal dagang Indonesia yang melalui perairan itu.

[6 markah]

- (c) Dalam petikan di bawah ini terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan –kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Fenomena ombak besar sunami yang kali pertama berlaku dalam sejarah negara berikutan bergegar gempa bumi dasar laut yang berpusat di utara Sumatera pada 26 Disember 2004 memberikan pengajaran besar kepada kita yang selama ini teranggap bahawa Malaysia terselamat daripada mala petaka seumpama itu. Tidak ada sesiapa pun yang wajar dipersalahkan berikutan trajedi yang telah meragut lebih 60 nyawa dan kemasuhan besar di negeri sebelah utara Semenanjung Malaysia kerana sememangnya kita belum bersedia hadapi bencana sedemikian rupa.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Salmiza telah menghiris ikan merah untuk dimasak oleh saya bersama-sama rakan tengah hari ini.
- (ii) Setiap pagi Danial Iskandar pergi ke sekolah pada pukul tujuh pagi dengan menumpang motosikal ayahnya.
- (iii) Koperal itu tidak mengindahkan kecederaan yang dialami sebaliknya mengejar terus peragut itu.

[6 markah]

(e) Nyatakan peribahasa yang sama maksudnya dengan peribahasa di bawah.

- (i) Genggam bara api biar sampai jadi arang
- (ii) Air dicencang tidak akan putus
- (iii) Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit

[6 markah]

SULIT

1103/2

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]***Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel yang berikut :*

- (i) Papa.....( akhirnya kau tewas jua! ) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah.
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood.
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain.
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir.
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah.
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd.Talib Hassan.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa pada peringkat peleraian. [7markah]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan persoalan tentang semangat kerjasama yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

**KERTAS MODUL TAMAT**

Berdaripada novel yang anda pelajari yang perlu anda telukai  
kembali mendengar pesanan ayah tentang pembangunan di  
kebun pantai?

**[3 markah]**

Huraikan satu nilai yang terdapat dalam novel yang perlu anda telukai  
terdekat dalam keadaan ini.